



KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

BAKAT-BAKAT MUDA AKAN MEMIMPIN MALAYSIA KE ERA KECEMERLANGAN TEKNOLOGI DENGAN ASAS YANG KUKUH DALAM BIDANG SAINS DAN TEKNOLOGI

PUTRAJAYA, 22 Julai 2024 – Malaysia perlu membina kapasiti, keupayaan dan kecekapan generasi baharu, dimana ianya penting untuk memupuk mereka dari usia muda dengan asas yang kukuh dalam bidang sains dan teknologi. Usaha ini akan membentuk mereka menjadi bakat yang mampu memimpin negara ke era kecemerlangan teknologi yang harmoni seiring dengan pembangunan masyarakat dan pemeliharaan alam sekitar.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Dato' Haji Mohammad Yusof Apdal berkata, "MOSTI memperjuangkan pelbagai inisiatif dan program yang direka untuk mengarusperdanakan sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM). Melalui usaha bersama, MOSTI berharap dapat menangani isu kekurangan minat dalam bidang berkaitan sains yang merupakan punca utama pendaftaran rendah dalam bidang STEM oleh 53.1% responden kajian Kesedaran Awam mengenai STI Malaysia 2022."

Beliau ditemui semasa majlis pelepasan pemenang National Science Challenge (NSC) 2023 bagi lawatan sambil belajar mereka ke *8th Belt* dan *Road Teenager Maker Camp & Teacher Workshop* di Kunming, China. Pemenang bagi NSC 2023 ialah Kolej Yayasan Saad.

MOSTI, sebagai contoh, telah menganjurkan Minggu Sains Negara sejak 2018. MSN dirangka bagi melengkapkan kurikulum pendidikan sedia ada dengan aktiviti luar bilik darjah dan program yang lebih interaktif. Pada tahun 2023, MSN telah menarik hampir 600,000 peserta dalam sesi dalam talian dan fizikal.

“Di bawah payung MSN, saya menghargai Akademi Sains Malaysia (ASM) atas usaha berterusan mereka dalam memupuk dan membangunkan bakat STEM melalui program National Science Challenge. Sepanjang 19 tahun sejak penubuhannya pada tahun 1999, NSC telah menjadi salah satu pertandingan sains utama untuk pelajar sekolah menengah di Malaysia. Pada tahun 2023, penyertaan NSC telah merekodkan pencapaian penglibatan lebih daripada 9,000 pasukan dengan hampir 30,000 pelajar sekolah menengah telah terlibat,” tambah YB Dato’ Haji Mohammad Yusof Apdal.

Selain itu, MOSTI juga sedang mempergiatkan usaha bagi meluaskan ilmu pengetahuan dan pengalaman saintifik kepada komuniti tempatan. Pusat Sains Negara (PSN) dan ASM telah melaksanakan program Kembara Sains Borneo (KSB) di Sabah bagi mendekati pelbagai kumpulan komuniti di kawasan tersebut, terutamanya di lokasi yang lebih terpencil. Edisi kedua KSB akan diadakan tahun ini di Lahad Datu, Sandakan, Kinabatangan, Ranau, Kota Belud, Kinarut, Papar, Telupik, Tuaran, dan Kota Kinabalu.

Mengulas mengenai majlis pelepasan tersebut, Profesor Dr Norsaadah Abd Rahman, Setiausaha Agung ASM berkata, “Kami berharap interaksi pemenang NSC 2023 bersama kelompok rakan sebaya dan pakar antarabangsa dapat meningkatkan lagi pemahaman dan penghargaan mereka terhadap sains dan teknologi. ASM berharap mereka boleh merakam dan berkongsi pengalaman mereka dengan khalayak ramai dan rakan sebaya mereka. Kisah mereka akan menjadi inspirasi dan motivasi kepada individu lain, seterusnya menggalakkan mereka untuk menyusun perjalanan mereka menerusi dunia STEM.”

Semasa lawatan ke Kunming, China, pemenang NSC 2023 daripada Kolej Yayasan Saad, Ayra Alisha Mohd Affandi, Jovani Johari dan Maryam Zahra Faisal, akan berpeluang untuk melibatkan diri dalam aktiviti sains dan teknologi, termasuk seminar oleh ahli akademik dan pakar serta lawatan ke universiti, institut penyelidikan saintifik, dan muzium semula jadi. Selain itu, terdapat juga aktiviti yang memberi tumpuan kepada pertukaran saintifik dan kemanusiaan, seperti meneroka asal usul kehidupan dan warisan budaya yang berharga.

#TAMAT#

Siaran Media oleh:

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
AKADEMI SAINS MALAYSIA**

22 Julai 2024

Kit media: <https://bit.ly/2023NSCSendOff>

Pertanyaan Media:

Syakirah Nurizzati Mohamad Hood
syakirah.nurizzati@akademisains.gov.my
(+6017 6780 925)